

09 JUL 2004

PEMIMPIN-POSITIF

GAYA KEPIMPINAN ABDULLAH DAPAT SAMBUTAN POSITIF DARIPADA PEMIMPIN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi sejak mengambil alih kuasa pada Oktober tahun lalu

mendapat sambutan positif daripada pemimpin-pemimpin negara perindustrian

utama seperti Amerika Syarikat, Perancis dan Britain.

Mereka memberikan beliau penarafan tertinggi bagi gaya kepimpinannya,

termasuk penekannya terhadap tadbir urus yang baik, pendirian tegasnya

mengenai ketulusan dalam sektor awam dan juga swasta, ketelusan dan tumpuannya dalam usaha memerangi rasuah, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed

Hamid Albar, di sini, hari ini.

"Maklum balas yang diterima adalah positif apabila pemimpin-pemimpin

dan masyarakat antarabangsa cuba menilai beliau dan kepimpinannya," katanya

pada majlis taklimat media mengenai lawatan rasmi Abdullah sebagai Perdana

Menteri ke Amerika Syarikat, Perancis dan Britain dari 19 hingga 24 Julai.

Syed Hamid serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk

Seri Rafidah Aziz, dijangka mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan beliau

ke ketiga-tiga negara ini.

Syed Hamid berkata, Presiden AS, George W. Bush, Presiden Perancis,

Jacques Chirac dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair berminat untuk

bertukar-tukar fikiran dengan Abdullah secara "lebih peribadi" dan mengadakan perbincangan bagi mewujudkan hubungan dua hala yang lebih baik.

Beliau berkata, maklum balas yang diterima itu juga menunjukkan negara-negara itu kagum dengan kemenangan besar Abdullah dalam pilihan raya

umum baru-baru ini dan pada pemikiran mereka, ini juga telah memperkukuhkan

kedudukan Perdana Menteri.

Katanya, Washington juga memuji cara Malaysia menangani isu pengganas

serta langkah-langkah memerangi keganasan dengan berkongsi risikan dan

mengadakan latihan bersama AS.

Memandangkan keadaan ini, Syed Hamid percaya kepimpinan AS akan mengalu-alukan lawatan Perdana Menteri ke negara itu bulan ini.

Ia juga merupakan peluang yang baik bagi Abdullah untuk menjalinkan hubungan baik semasa lawatannya ke Washington kelak, terutama apabila kedua-dua pemimpin itu dijangka bertemu lagi pada sidang kemuncak tidak rasmi Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Santiago, Chile November ini.

Ini adalah lawatan pertama Abdullah ke negara-negara berkenaan sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt, tahun lepas.

Tidak ada sebarang agenda khusus bagi lawatan ini, tetapi Abdullah dan pemimpin-pemimpin itu dijangka mengadakan perbincangan bebas dan ini mungkin termasuk isu-isu kepentingan global serta isu-isu dua hala, kata Syed Hamid.

Perdagangan dua hala dan pelaburan akan juga menjadi perkara penting dalam lawatan ini kerana Abdullah juga dijadualkan menemui pemimpin-pemimpin korporat Amerika, Perancis dan Britain.

Misalnya, di Washington, beliau akan berucap kepada Majlis Perniagaan AS-Asean di samping menemui pegawai-pegawai tertinggi dari pentadbiran Bush dan berinteraksi dengan pelajar-pelajar Malaysia di sana.

Syed Hamid berkata, hubungan perdagangan dengan Washington adalah penting, khususnya memandangkan kedua-dua negara telah menandatangani Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) dan kini sedang berunding ke arah memeterai perjanjian perdagangan bebas (FTA).

Pada 22 Julai, Perdana Menteri dijadualkan menemui Chirac pada sebelah pagi dan akan mengadakan rundingan dengan Blair beberapa jam kemudian di No 10 Downing Street, London.

Syed Hamid berkata, pertemuan dengan Chirac itu penting, memandangkan hubungan baiknya dengan negara-negara membangun.

"Chiraclah yang mempelawa Malaysia mengemukakan pandangan negara-negara membangun pada sidang kemuncak Kumpulan Lapan (G-8) negara-negara perindustrian di Evian, Perancis, tahun lepas," katanya.

Ia juga akan memberi peluang kepada Abdullah untuk membincangkan proses melibatkan Kesatuan Eropah (EU) dalam Mesyuarat Asia-Eropah (Asem)

dan
meyakinkan pemimpin Perancis itu bahawa Asean juga mahu Myanmar
menyertai

Sidang Kemuncak Asem di Hanoi Oktober ini, katanya.

EU kini mempunyai 25 ahli dengan kemasukan 10 ahli baru pada 1
Mei,
2004.

EU bertegas bahawa Myanmar harus dibawa masuk dalam mesyuarat
itu hanya
sekiranya negara itu melaksanakan reformasi demoskrasi yang meluas.

Syed Hamid berkata Abdullah juga dijangka menyeru supaya lebih
banyak
syarikat Perancis melabur dalam bidang teknologi tinggi di Malaysia.

Di London, Perdana Menteri akan merasmikan Malaysia Hall baru,
menemui
pelajar-pelajar Malaysia dan menyampaikan ucaptama pada suatu majlis
yang
dihadiri oleh ketua-ketua industri di Britain di Asia House.

Abdullah dijadual meninggalkan London untuk pulang ke Kuala
Lumpur pada
24 Julai.

-- BERNAMA

MR SHY KY AHM